

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 29.10.2025 MASA: 8:30PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM UNIVERSAL DESIGN
SUARA KAMI: HAK DAN AKSES OKU DALAM
KOMUNITI

TARIKH / MASA / TEMPAT

31 OKTOBER 2025 (JUMAAT)
8.30 PAGI

AUDITORIUM MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan izin-Nya, kita berhimpun pagi ini dalam suasana yang penuh makna bagi menjayakan **Program Universal Design** dengan tema **Suara Kami: Hak dan Akses OKU dalam Komuniti**.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak khususnya, barisan Ahli Majlis MBSP; Puan Rufaidah binti Osman, Presiden Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang; Puan Alfa Nur Aini Erman Efendi, Pembantu Penyelidik di Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia selaku penceramah jemputan pada hari ini; Jabatan Undang-Undang MBSP selaku urusetia program serta para peserta yang terdiri daripada wakil Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang dan warga kerja MBSP yang merupakan insan istimewa, terima kasih atas kehadiran dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Tema Suara Kami: Hak dan Akses OKU dalam Komuniti amat bertepatan dengan semangat Penang2030 dan aspirasi Malaysia

MADANI yang berteraskan nilai kemanusiaan, keadilan sosial dan kesejahteraan sejagat. Ia menyeru kita semua agar mendengar suara yang selama ini mungkin kurang diberi ruang, suara golongan OKU, warga komuniti dan warga negara yang mempunyai hak sama rata untuk hidup dengan maruah dan akses yang saksama.

4. Hakikatnya, tema “*Suara Kami*” ini, ia bukan sekadar satu laungan, tetapi satu seruan; agar kita membuka mata, hati dan minda terhadap keperluan sebenar golongan OKU dalam setiap aspek kehidupan bermasyarakat. Mereka bukan sekadar kumpulan minoriti, tetapi sebahagian daripada kekuatan masyarakat kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. *Universal Design* atau Reka Bentuk Sejagat ialah satu falsafah yang membawa mesej kemanusiaan sejati bahawa sesuatu yang direka untuk memudahkan segelintir, sebenarnya memanfaatkan semua. Sama ada dalam reka bentuk bangunan awam dan kemudahan awam yang mesra OKU; sistem pengangkutan yang mudah diakses atau platform digital yang inklusif serta peluang penyertaan yang saksama dalam aktiviti masyarakat; semuanya adalah cerminan kepada nilai empati dan tanggungjawab sosial kita.

6. Sebuah bandaraya yang baik bukan diukur pada megahnya bangunan atau canggihnya teknologi, tetapi pada sejauh mana ia mampu memeluk semua lapisan masyarakat tanpa pengecualian. Itulah visi MBSP iaitu, membina “*A City for All*”, sebuah bandaraya yang berdaya huni, inklusif, hijau dan pintar.
7. Dalam semangat ini, MBSP terus berusaha menambah baik garis panduan pembangunan agar prinsip reka bentuk sejagat diterapkan dalam setiap projek fizikal, kemudahan awam dan perkhidmatan digital. Kita mahu setiap laluan, setiap ruang dan setiap peluang dalam bandaraya ini menjadi simbol keterangkuman yang sebenar.

Hadirin yang saya muliakan,

8. Saya yakin bahawa membina komuniti inklusif tidak boleh diserahkan kepada satu pihak sahaja. Ia memerlukan sinergi, kerjasama yang kukuh antara kerajaan tempatan, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti setempat. Lebih penting lagi, ia memerlukan penglibatan langsung daripada golongan OKU sendiri kerana tiada siapa yang lebih arif tentang cabaran, keperluan dan harapan mereka selain diri mereka sendiri.

9. Oleh itu, program seperti hari ini bukan sekadar wacana, tetapi medan untuk membina empati, menukar pandangan menjadi tindakan dan membentuk dasar yang benar-benar responsif.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Adalah harapan saya, agar Seberang Perai terus menjadi bandaraya yang “tidak meninggalkan sesiapa di belakang”. Biarlah setiap warga, tanpa mengira kemampuan fizikal atau sensori, merasa bahawa bandaraya ini juga milik mereka; tempat mereka bebas bergerak, bekerja, berinteraksi dan berimpian.
11. Marilah kita bersama-sama membina satu ekosistem bandaraya yang penuh kasih, yang menjadikan empati sebagai asas pembangunan. Kerana apabila sebuah bandaraya meraikan kepelbagaian, menghormati perbezaan dan menyediakan ruang untuk semua, maka di situlah terbitnya sebuah bandaraya berjiwa manusia. Semoga usaha ini menjadi permulaan kepada langkah-langkah konkrit dalam memperkukuh hak dan akses OKU di seluruh Seberang Perai.
12. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Universal Design: Suara Kami: Hak dan Akses OKU dalam Komuniti.**

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***